

سَمبوتن هاري بليا كبشسان

SAMBUTAN

HARIBELIA

KEBANGSAAN KE-18, 2023

BELIA SIAGA MASA DEPAN



14 Muharam 1445
1 Ogos 2023

Pusat Persidangan
Antarabangsa
Berakas





**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KALI KE-17

PADA HARI RABU
11 MUHARRAM 1444 / 9 OGOS 2022

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur kerana dapat berkumpul bersama-sama bagi menghadiri Perhimpunan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-17 pada pagi ini.

Tidak syak lagi para Belia adalah komponen kritikal dalam usaha pembangunan negara, selaku 'stakeholder' yang dinamik.

'Acuan' yang tepat adalah diperlukan untuk menjadikan golongan belia lebih bersedia dalam memacu pembangunan negara.

Hari ini kita melihat transformasi belia sedang berlaku, dengan mereka itu didapati lebih berwawasan dan berani untuk meneroka bidang-bidang baru, di antaranya bidang perekonomian, digital, inovasi sosial, agri-bisnes dan industri-kreatif.

Beta amat gembira apabila golongan belia kita menunjukkan pencapaian prestasi yang membanggakan, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat serantau dan antarabangsa.



Misalnya dari sudut pertumbuhan ekonomi, hasil produk usahawan belia telah melangkaui jauh sehingga ke peringkat luar negara, khususnya dalam bidang teknologi komunikasi, pembangunan aplikasi pintar dan perisian (software), agribisnis, tekstil dan kreatif.

Sehubungan ini Beta mengalu-alukan kiranya lebih ramai lagi para usahawan belia menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, sebagai usaha memperkasa ekonomi negara.

Dari aspek kepimpinan pula, para belia kita turut menyandang pengiktirafan dari luar negara atas usaha dan komitmen yang mereka laksanakan, sama ada di peringkat ASEAN mahupun antarabangsa, seperti dalam bidang kesukarelawan, kemanusiaan dan kesukanan.

Baru-baru ini, atlet-atlet belia mengharumkan nama negara dengan meraih pingat dan kejayaan dalam kejohanan sukan prestasi tinggi pada Kejohanan Asia Tenggara (SEA Games) ke-31 di Vietnam dan The World Games 2022, Birmingham, Amerika Syarikat.

Namun Beta suka mengingatkan, bahawa 'keharuman' nama Negara Brunei Darussalam memang sudah sedia ada, walaupun tanpa meraih sebarang pingat. Tetapi yang lebih penting bagi kita bukanlah mengejar pingat, bahkan sangat utama ialah 'Menjaga Nama Baik Negara' dalam apapun bentuk tindak tanduk atau aktiviti kita.

Kalaupun hendak menempah kejayaan, maka para belia juga adalah tetap dituntut untuk tidak mengabaikan akhlak yang mulia dan tidak meminggirkan ke tepi calak kebruneian kita: "Melayu Islam Beraja."

Beta yakin, inilah wadah atau landasan strategi yang sangat sesuai lagi afdhal untuk dilalui oleh para belia kita. Jangan fikir, dengan wadah ini kita berundur ke belakang, tidak! Tetapi para belia kita masih sahaja tetap berpeluang untuk melakukan pelaburan berskala besar ke persada yang lebih tinggi dan malah mampu untuk mencetuskan perubahan-perubahan dalam usaha-usaha pemulihan dan perkembangan ekonomi.

Pada kesempatan ini, Beta menyeru semua agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta dan masyarakat secara amnya, untuk terus mendukung pelaksanaan Dasar Belia Negara dan Strategi, demi memastikan pelaksanaan dan kejayaan program yang dirancang menepati sasaran.

Untuk akhirnya, Beta tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua golongan belia di negara ini atas komitmen mereka, sama-sama membangun dan memajukan negara.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KATA ALU-ALUAN



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَىٰ آلِهِ وَسَلَّمَ

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah subhanahu wa taala di kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya jua, Negara Brunei Darussalam pada tahun ini dapat menyambut Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023 pada 14 Muharam 1445 bersamaan 1 Ogos 2023 bertepatan dengan tarikh pengisytiharannya.

Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023 menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan ini dan seterusnya berkenan mengurniakan titah, menyempurnakan pengurniaan anugerah serta berangkat untuk menyaksikan pameran yang berkonsepkan "Aspirasi Belia". Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ini mencerminkan keprihatinan dan pemedulian terhadap perkembangan dan pembangunan belia dan setentunya akan menjadi pendorong kepada belia untuk terus menjadi pemacu kepada kemajuan pembangunan negara.

Pada tahun ini, Sambutan Hari Belia Kebangsaan terus mengekalkan tema "Belia Siaga Masa Depan". Tema tersebut masih relevan dalam mengetengahkan peranan golongan belia sebagai pemacu kepada kemajuan pembangunan negara, kecemerlangan dalam pendidikan, sahsiah dan kerohanian, pemeliharaan jati diri warisan dan budaya serta kesiapsiagaan belia dalam memberikan khidmat dan bakti kepada negara.

Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini berkonsepkan "Aspirasi Belia" memfokuskan kepada tiga elemen utama, iaitu Sumbangan Belia; Kemahiran dan Ilmu; dan Warisan dan Budaya. Konsep ini menonjolkan perpaduan yang harmoni di antara golongan belia selaku pemimpin masa depan negara. Ketangkasan para belia Brunei juga dilihat mampu menyumbang ke arah merealisasikan impian negara dalam mencapai matlamat Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035, iaitu belia bertaraf dunia, berakhlak mulia, siaga masa hadapan serta menjaga kedaulatan negara dan sekali gus ke arah mencapai dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Alhamdulillah, sepertimana jua sambutan pada tahun-tahun sebelum ini, Acara Kemuncak Sambutan Hari Belia Kebangsaan ialah pengurniaan Anugerah Belia Kebangsaan yang terbahagi kepada empat kategori, iaitu Anugerah Belia Cemerlang; Anugerah Belia Berkhidmat; Anugerah Pemimpin Muda Belia; dan Anugerah Projek Cemerlang untuk Belia. Pada tahun ini, satu Anugerah Pengiktirafan Khas (*Special Mention*) akan diumumkan. Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah dan diharapkan pengurniaan anugerah ini menjadi inspirasi kepada generasi belia dan masyarakat amnya agar terus aktif dalam menyumbang khidmat dan bakti kepada negara.

Akhirnya, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023, Ahli Jawatankuasa Kerja, Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2023 dan rakan strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sama ada dari sektor kerajaan mahupun sektor swasta dalam sama-sama menjayakan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023. Semoga usaha baik dan murni ini akan mendapat ganjaran yang setimpal dan pahala yang berlipat ganda daripada Allah subhanahu wa taala.

DATU SERI SETIA AWANG HAJI NAZMI BIN HAJI MOHAMAD

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
Selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023

IKRAR BELIA



Dengan Bersyukur
Kehadrat Allah Subhanahu Wa Taala
Kami Belia
Negara Brunei Darussalam
Berikrar
Taat Kepada Allah
Setia Kepada Raja
Cinta Kepada Negara
Mendukung Kepimpinan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Mempertahankan Kedaulatan
Negara Brunei Darussalam
Sebagai Negara Melayu Islam Beraja
Mematuhi Perlembagaan Negara
dan Undang-Undang
Berakhlak Mulia dan Terpuji

PEMBACA UTAMA

YANG MULIA PENGIRAN MUHAMMAD AMIRUL AIMAN BIN PENGIRAN HAJI MARJUKI

Pegawai Pelajaran
Johan Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran

- Mula melibatkan diri dalam bidang pembacaan Al-Quran pada tahun 2000.
- Penglibatan seterusnya pada tahun 2001, 2004-2012, 2015, 2020 dan 2023.
- Johan Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan pada tahun 2023.
- Lepasan Graduan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Hakim di musabaqah membaca Al-Quran, pertandingan azan, pertandingan nasyid, pertandingan tausyeh dan azan.
- Pembimbing bengkel berkaitan dengan Al-Quran.
- Ahli barisan Pasukan Cemerlang dalam Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 2017.
- Penerima Anugerah Guru Cemerlang STPUB Subjek Al-Quran Tahun 2020.



PENGIRING 1:

YANG MULIA AWANGKU MUHAMMAD AMIRUL FA'IQ BIN PENGIRAN ZALI

Atlet Sukan Badminton Sukan Para

- Atlet badminton Negara Brunei Darussalam dalam Para Sukan Asia Tenggara di Solo, Indonesia pada tahun 2022 dan di Kemboja pada tahun 2023.
- Peserta Pertandingan Membaca Al-Quran dan Ayat-ayat Lazim Peringkat Senegara pada tahun 2022.
- Pemain Terbaik Tempat Ketiga dalam *Interschool Badminton* pada tahun 2012.



PENGIRING 2:

YANG MULIA NORFATRIAH BINTI ABDULLAH

Pemilik Qafa House Enterprise & Fast Tailoring Company

- Pemegang ijazah lanjutan dalam *Research in Mechanical Engineering* dari Universiti Teknologi Brunei.
- Mempunyai kelulusan profesional dalam *Certified Professional Image Consultant (CPIC)* pada tahun 2019.
- Melibatkan diri dalam bidang keusahawanan sejak 7 tahun yang lalu.
- Memiliki beberapa perniagaan seperti pakaian dan *Food and Beverage*.
- Fasilitator bersama untuk *Brunei Young Leaders Convention (BYLC)* pada tahun 2023.
- Pengajar di *Benchlab* pada tahun 2019 dan 2022.
- Fasilitator untuk *Entrepreneur Workshop* oleh UNISSA pada tahun 2021.
- Fasilitator untuk *Unwritten Dreams 2* oleh Al Huffaz Management pada tahun 2021.



ATUR CARA

- 8.00 pagi - Para jemputan hadir
- 8.30 pagi - Pembesar-pembesar Negara hadir
- 9.00 pagi - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja
 - Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, "Allah Peliharakan Sultan"
 - Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat
 - Sembah Alu-aluan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023
 - Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
 - Lafaz Ikrar
 - Tayangan Video dan Persembahan Belia
 - Pengumuman Penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2023
 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung menyempurnakan Pengurniaan Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2023
 - Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, "Allah Peliharakan Sultan"

ATUR CARA

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja dijunjung berangkat menyaksikan Pameran Hari Belia di Ruang Legar, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan dan menerima Pesambah
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja dijunjung bagi Santap/Jamuan Ringan
- Sesi bergambar kenangan
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan majlis
- Majlis Bersurai

ASPIRASI BELIA

Belia dan negara berpisah tiada. Sebagai peneraju utama negara, golongan belia memainkan peranan dalam mempertahankan kedaulatan negara serta membantu memacu perkembangan sosioekonomi bangsa ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035. Golongan Belia Brunei telah berjaya membuktikan bahawa mereka ialah agen perubahan masa hadapan yang siaga menghadapi pelbagai cabaran, berani menyumbang tenaga serta kemahiran ke arah merealisasikan aspirasi bangsa dan negara.

Hubungan belia dan negara sememangnya berkait rapat dengan sumbangan mereka kepada negara melalui penggubalan dasar, pembangunan sosioekonomi negara, pembinaan teknologi, serta khidmat bakti kesukarelawanan dan kemasyarakatan. Oleh itu, konsep ini bertujuan untuk memperlihatkan usaha serta peranan belia dalam menyumbang kepada kemakmuran negara.

3 FOKUS UTAMA



Mempamerkan sumbangan para belia melalui aktiviti berpersatuan atau pergerakan yang menjurus kepada memperkukuhkan budaya perpaduan. Ini termasuk sumbangan para belia secara individu yang mendukung aspirasi negara ke arah membina sebuah negara yang dinamik, makmur dan inklusif.

- Kesukarelawanan
- Khidmat Bakti Belia

Sumbangan Belia



Mempromosikan kejayaan belia Brunei melalui kemahiran yang sedia ada dan baharu termasuk dari aspek:

- Perniagaan
- Inovasi dan Teknologi
- Industri Kreatif
- Kajian dan Ilmu Pengetahuan

Turut dilibatkan agensi-agensi selaku peneraju dan *enabler* ke arah mempersiapkan golongan belia menghadapi cabaran dan keperluan masa hadapan.

Kemahiran dan Ilmu



Membarigakan hasil karya para belia yang menjurus kepada memelihara dan memperkukuhkan warisan bangsa dan budaya ketamadunan bangsa Brunei.

- Gaya Hidup
- Industri Budaya
- Teknologi dan Warisan
- Budaya dan Kesenian

Warisan dan Budaya



TROFI ANUGERAH
**HARI
 BELIA**
 KEBANGSAAN

PERLAMBAANGAN TROFI

Trofi Anugerah Hari Belia Kebangsaan yang diperkenalkan pada tahun 2016 merupakan arca moden (*modern sculpture*) menggambarkan belia yang terus dinamik dalam menyahut cabaran kehidupan masa hadapan dan meneruskan pembangunan yang mampan. Pangkal (*base*) trofi ini berbentuk bahtera berlayar menggambarkan para belia yang berperanan, dan tetap bersemangat menyahut seruan dalam membangun bangsa dan negara. Bentuk sebelah atas menunjukkan belia yang bersedia menandai hasrat Wawasan Brunei 2035.



Belia ialah tunas bangsa, umpama benih yang dipelihara dengan baik dan sempurna, sebelah atas bertunas menjadi pohon yang subur dan cantik, (warganegara yang mantap dan berjaya) manakala sebelah bawah benih yang akan berakar umbi dengan kekuatan (ketahanan identiti dan budaya bangsa).



Abjad 6 – Enam Bidang Strategi Dasar Belia Negara – Pendidikan Perkembangan Diri; Pekerjaan dan Latihan Belia; Kepimpinan; Daya Usaha; Persefahaman Antarabangsa; dan Perkhidmatan kepada Orang Lain dan Negara.



Layar Bahtera dan Kain Tenunan Brunei sebagai lambang belia yang berwawasan dan berjaya memiliki nilai teras orang Brunei; dan menjadikan warisan budaya sebagai asas pembangunan diri, persatuan dan negara.



Bahtera melambangkan negara sebagai pasak kepada pembangunan belia yang maju dan dinamik. Bagi bahtera dapat belayar ke destinasi memerlukan kemudi dan pandu arah. Begitu halnya dengan belia yang memerlukan panduan dan hala tuju untuk memastikan mereka mampu menyambung atau memangkin agenda pembangunan bangsa dan negara.

**CALON-CALON
ANUGERAH
HARI
BELIA**
KEBANGSAAN KE-18, TAHUN 2023

BELIA CEMERLANG

Diberikan kepada belia yang berjaya mengharumkan nama negara dalam pelbagai bidang.

BELIA BERKHIDMAT

Diberikan kepada belia yang banyak menyumbang khidmat sukarela kepada negara dan masyarakat.

PEMIMPIN MUDA BELIA

Diberikan kepada muda belia yang cemerlang dalam kepimpinan.

PROJEK CEMERLANG UNTUK BELIA

Diberikan kepada projek yang dilaksanakan oleh golongan belia dan seterusnya projek berkenaan memberikan impak yang positif kepada negara dan masyarakat.

ANUGERAH PENGIKTIRAFAN KHAS

Diberikan kepada belia Orang Kelainan Upaya (OKU) yang telah memberikan sumbangan kepada negara dan masyarakat termasuk dalam mempelbagaikan ekonomi negara.

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2023

BELIA CEMERLANG

Bil.	Nama Penuh	Nama Organisasi/ Persatuan/ Pergerakan/ Agensi
1	Dayang Norhafizah binti Haji Rashid	<ul style="list-style-type: none"> Big BWN Project Womennovation Brunei Brunei Young Entrepreneur Project Zero Waste Brunei Brunei Womenpreneur Network
2	Dayang Hajah Norajleen Uminatul Hafizan binti Haji Alimas @ Jay	Cureheart Company
3	Awang Haji Mohd. Bazli Azhar bin Haji Mohd. Yussof	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Kaunseling Penjara Biro Pergerakan Belia Masjid Lambak Berakas Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
4	Awang Abdul Aziz bin Noor Nasran	<ul style="list-style-type: none"> Belia Syababussalam Masjid Omar 'Ali Saifuddien <i>Nazhor Community</i> (di bawah Program Keugamaan Belia, Pusat Dakwah Islamiah)
5	Awang Ahmad Zulwaqar bin Suhaili	Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama
6	Dayang Rebecca Tan Yen Shen	<ul style="list-style-type: none"> ASDS Sdn. Bhd. (<i>tech & IT intern</i>) Progresif Sdn. Bhd. (<i>creative intern</i>)
7	Awang Dr. Andery Lim	Kementerian Pendidikan
8	Dayang Basma binti Lachkar	Persekutuan Wushu Negara Brunei Darussalam
9	Awang Muhammad Fuad bin Matahir	Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
10	Awang Hosea Wong Zheng Yu	Persekutuan Wushu Negara Brunei Darussalam
11	Dayang Nurul Huda binti Awang Haji Muhin	Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2023

BELIA BERKHIDMAT

Bil.	Nama Penuh	Nama Organisasi/ Persatuan/ Pergerakan/ Agensi
1	Awang Mohammad Ashmeer s/o Imtiaz Ahmad	Sukarelawan Belia
2	Awang Mohamad Sufhidin bin Mohamad Sufian	Brunei Asia Pacific Shell Learning Hub
3	Dayang Hajah Norajleen Uminatul Hafizan binti Haji Alimas	Cureheart Company
4	Awang Haji Mohd. Bazli Azhar bin Haji Mohd. Yussof	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Kaunseling Penjara Biro Pergerakan Belia Masjid Lambak Berakas Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
5	Dayang Norahimah binti Haji Duraman	Jabatan Pengangkutan Darat (JPD)
6	Dayang Noorussa'adah binti Hassem	Jabatan Perkembangan Kurikulum Brunei-United States Association (BUSA)
7	Awang Md. Haziq Hisyam bin Md. Zaki	Al Muyassar Group Nadi Qurannic LC (Belait)
8	Awang Azri bin Tahir	Kelab Permata Hijau
9	Dayang Nurul Huda binti Awang Haji Muhin	Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2023 PEMIMPIN MUDA BELIA

Bil.	Nama Penuh	Nama Organisasi/ Persatuan/ Pergerakan/ Agensi
1	Awang Abdul Khahir bin Dato Paduka Zainidi	Brurealism Pictures
2	Awang Nurazrin bin Omar	Kendo Federation Brunei Darussalam
3	Awang Mohammad Ashmeer s/o Imtiaz Ahmad	Sukarelawan Belia/ JAPEM (I-Ready)
4	Awang Dr. Deeni Rudita bin Idris	Universiti Brunei Darusslam / RTB
5	Dayang Ong Huey Juwan	Yippy Tune Music School
6	Awang Joshua Anak Belayan	Universiti Brunei Darusslam
7	Awang Haji Mohd. Bazli Azhar bin Haji Mohd. Yussof	Bahagian Kaunseling Penjara, Biro Pergerakan Belia Masjid Lambak berakas, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
8	Dayng Dhia Syuhada binti Abdul Rahman Ambol @Leja Anak Ambol	Sekolah Sukan, Kementerian Pendidikan
9	Awang Mohamad Adi Hamdi bin Haji Aminuddin	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kementerian Kewangan dan Ekonomi ▪ Kelab Komunikasi Transformasi Belia [KKBT]
10	Awang Mohammad Arif bin Abdul Hadi	Jabatan Pendidikan Kokurikulum
11	Dayang Norahimah binti Haji Duraman	Jabatan Pengangkutan Darat (JPD)
12	Dayang Sarina binti Yahya	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ▪ Kelab Komunikasi Transformasi Belia [KKBT]
13	Awang Reduan bin Yussop	Jabatan Daerah Belait
14	Dayang Nur Qamelya binti Mohd Rafee	International School Brunei (intern) Global Shapers

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2023 PEMIMPIN MUDA BELIA


Bil.	Nama Penuh	Nama Organisasi/ Persatuan/ Pergerakan/ Agensi
15	Awangku Muhammad Nazih bin Pengiran Yussof	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei ▪ Persatuan Motorsikal Darussalam [PEMODA]
16	Dayang Dr. Nur Karnina Karim	Head of Seria Energy Lab
17	Awang Fariszal bin Ali	Jabatan Penjara
18	Dayang Sauyainah @ Aina Khalilah binti Haji Hamdani / Kira	Jabatan Penerbangan Awam
19	Dayang Nurul Huda binti Awang Haji Muhin	Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2023

PROJEK CEMERLANG UNTUK BELIA

Bil.	Nama Penuh	Nama Organisasi/ Persatuan/ Pergerakan/ Agensi
1	Awang Ahmad Fathi bin Dr. Haji Norarfan	<ul style="list-style-type: none">Seacage Fish Farming (Fatih Aquaculture)Child Care Centre (Alya Playhouse)
2	Dayang Hajah Norajleen Uminatul Hafizan binti Haji Alimas @ Jay	Cureheart Company
3	Awang Mohammad Khairul Hafizan @ Mahfiz bin Mahli	Senimerge
4	Dayang Nur Izzati Nazatul Aqilah binti Junaidi	Perspective Insan Academy
5	Awang Muhammad Khairul Hazmi bin Haji Munir	Bersih Solutions
6	Dayang Noorussa'adah binti Hassem	Brunei-United States Association (BUSA)
7	Awang Muhammad Najib bin Haji Latif	Persatuan Kemajuan Insan (KESAN)
8	Awang Mohamad Helmi bin Abdullah	Helmi Abdullah Fitness
9	Dayang Siti Nazmah binti Haji Abdul Samad	Projek Family Empowerment and Economic Development (FEED)

TEMA-TEMA
**HARI
 BELIA**
 KEBANGSAAN



IMBASAN
**HARI
BELIA**
KEBANGSAAN KE-17, TAHUN 2022



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Semasa Mengurniakan Titah





**Bacaan Ikrar Belia diketuai oleh
Yang Mulia Awang Haji Abdul Mateen Bolchini bin Haji Ahmad
Pengusaha Tambang.BN**

**PENGURNIAAN ANUGERAH
HARI BELIA KEBANGSAAN 2022**



Penerima Anugerah Belia Cemerlang
Dr. Awang Mohd. Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yussof

**PENGURNIAAN ANUGERAH
HARI BELIA KEBANGSAAN 2022**



Penerima Anugerah Pemimpin Muda Belia
Awang Abdul Aziz bin Haji HaMd.an



Penerima Anugerah Belia Berkhidmat
Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahhuddin



Penerima Projek Cemerlang Untuk Belia
Bloodkad

YANG MULIA DR. AWANG MOHD. HILMY BAIHAQY BIN HAJI AWANG YUSSOF

Sokongan berdasarkan keperibadian beliau sebagai *role model* kepada para belia dan masyarakat melalui kemampuan beliau membawa nama negara ke peringkat antarabangsa. Kecemerlangan beliau yang konsisten terhasil daripada usaha-usaha yang akhirnya menampakkan satu impak besar yang mencerminkan kepimpinan masa hadapan. Salah satu sokongan kecergasan pemikiran dan ketepatan membuat analogi. Beliau juga dapat menyuarakan sesuatu pendapat berasaskan fakta sekali gus memperlihatkan diri sebagai seorang pemegang kelulusan doktor falsafah.

Dr. Awang Mohd. Hilmy Baihaqy berusia 33 tahun merupakan seorang Pensyarah dan Ketua Unit Pembangunan Profesional di Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Pada usia yang masih muda, beliau sering dijemput untuk menyampaikan ucapan dalam bahasa Melayu dan Inggeris dalam beberapa seminar dan program ilmiah di peringkat kebangsaan, ASEAN dan antarabangsa. Semasa pandemik COVID-19, beliau aktif dijemput selaku panel jemputan secara maya terutama dalam kalangan negara-negara ASEAN. Beliau juga aktif sebagai panel jemputan dalam pelbagai program radio dan televisyen.

Antara kecemerlangan beliau yang dibanggakan ialah penerbitan beberapa penulisan bertaraf seperti "The Integration of Quranic Spiritual Knowledge in Brunei Darussalam's Science Education Curriculum" dan "Training MIB Among Teachers in Brunei's Religious Teachers University College".

Beliau pernah dilantik sebagai Duta Belia ASEAN dan Komanwel pada tahun 2011 dan "Muslim Youth Ambassador of Peace International" oleh ISESCO di Singapura pada tahun 2016. Pada tahun 2019, beliau mewakili ASEAN dan dilantik selaku Sarjana Fullbright ke Amerika Syarikat bagi menyelidik dan mengajar di Temple University and Georger Washington University dalam bidang pendidikan dan agama Islam. Bergerak aktif selaku Pegawai Perhubungan Awam bagi kumpulan Strayholders sejak tahun 2018 dan menjadi panel jemputan dalam beberapa siri perbincangan. Seorang yang sangat bersemangat tinggi dan menjadikan "Negara Zikir" serta falsafah "Melayu Islam Beraja" sebagai ledakan semangat untuk mendorong belia agar teras berusaha mengangkat nama negara ke peringkat antarabangsa terutama dalam pengajian Islam.



BELIA CEMERLANG

YANG MULIA PENGIRAN HAJI AHMAD FADILLAH AKHBAR BIN PENGIRAN HAJI SELLAHUDDIN

Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar merupakan penerima Anugerah Pemimpin Muda Queen Elizabeth II (Queen Young Leader's Award) pada tahun 2018 dan terpilih untuk LinkedIn Brunei's 50 *Most Inspiring Icons* pada tahun 2020 dan 2021. Beliau bukan sahaja seorang yang sangat aktif sebagai sukarelawan tetapi juga terserlah sebagai seorang pemimpin yang berjaya melahirkan pelapis muda bagi meneruskan kerja-kerja yang berkebakikan sejak tahun 2005 melalui penglibatan beliau dalam Majlis AIDS Brunei Darussalam.

Pada tahun 2017, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bersama rakan-rakan mengasaskan Projek Bina Ukhwah dan menjadi Pengerusi Projek FEED (Family Empowerment and Economic Development) serta beberapa program lain. Misi Projek Bina Ukhwah ialah untuk membantu keluarga yang kurang berkemampuan. Projek ini berjaya membantu lebih daripada 300 buah keluarga yang melibatkan lebih dari 200 sukarelawan; membina dan memperbaiki 10 buah rumah dan melatih lebih 80 orang belia dari later belakang keluarga kurang berkemampuan. Melalui projek ini, lebih 30 orang pemimpin belia berjaya mengusahakan dan mengetuai pelbagai projek, mengusahakan dan mengetuai beberapa projek bagi keluarga yang memerlukan.

Kesungguhan dan keprihatinan terhadap kerja-kerja kemasyarakatan mendorong Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar untuk mengasaskan Home Betterment Programme (HOBPRO) di bawah Projek Bina Ukhwah. Unit ini melibatkan sokongan dan sumbangan beberapa rakan projek dalam sektor kerajaan, swasta dan NGO. Beliau turut mengasaskan Projek Bina Ukhwah Training Series yang memberikan pendedahan kepada golongan belia yang terpinggir dan keluarga kurang berkemampuan kepada kemahiran mempertingkatkan jati diri yang boleh dipraktikkan untuk mencari pekerjaan. Latihan ini melibatkan 80 orang belia dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Masyarakat melalui penglibatan belia daripada Kompleks Rumah Kebajikan.

Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar berjaya melahirkan 15 orang belia di bawah Projek FEED, iaitu FEED Mentoring Programme (yang melibatkan seramai 20 orang peserta termasuklah enam orang peserta yang bergantung sepenuhnya kepada pendapatan perniagaan); Village Empowerment Programme (mula diperkenalkan di Kampung Bukit Panggal pada tahun 2020 dengan bekalan tiga buah mesin rumput); dan Bakamas Home Maintenance Services.

Manakala projek rintis bagi Village Empowerment Programme telah berpendapatan rendah menjana kewangan melalui khidmat pemotongan rumput



BELIA BERKHIDMAT

YANG BERHORMAT AWANG ABDUL AZIZ BIN HAJI HAMDAN

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz berusia 37 tahun dilantik menjadi salah seorang Ahli Mesyuarat Negara pada tahun 2023 dan memegang jawatan Ketua Kampung Sengkarai, Tutong. Berjaya menghasilkan produk Tutong Flames (sos cili) dan didaftarkan sebagai 1K1P Kampung Sengkarai dan sering mendapat permintaan tinggi di pasaran.

Yang Berhormat aktif dalam pelbagai bidang sama ada sukarelawan, kemasyarakatan, kebudayaan, pelancongan, keusahawanan dan lain-lain. Sering diberi kepercayaan untuk mengetuai pelbagai jawatan dalam Jawatankuasa Tertinggi dan Kerja seperti Pengerusi Bersama Persembahan Khas Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong (2018, 2019, 2021, 2022) dan Ketua Pasukan Perbarisan Puak-Puak di Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2021 dan 2022. Merupakan Pengerusi Pergerakan Belia Tutong dan menganjurkan beberapa program keagamaan sebagai inisiatif dan usaha menghindari daripada COVID-19 seperti Program Malam Munajat, Malam Munajat Tutong Care dan Malam Munajat MPK Daerah Tutong. Sebanyak 50 kali program dianjurkan oleh lebih 10 persatuan dan kumpulan belia. Program melibatkan kira-kira 1,000 orang belia di seluruh negara.

Aktif dalam Sukarelawan COVID-19 dan dilantik selaku Ketua Kumpulan Program Inisiatif Pakai Mask untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan memakai sungkup muka. Program ini melibatkan seramai 50 orang belia yang berjaya mengagihkan sungkup muka kepada lebih 1,500 orang. Selaku Ketua Penyelaras Belia bagi Program Tutong Care, Yang Berhormat berjaya membantu petugas barisan hadapan di Daerah Tutong untuk mengagihkan lebih 4,500 pek makanan, 500 kotak makanan kering dan 180,000 helai sungkup muka kepada petugas. Kepimpinan yang bermula dari akar umbi dengan berbekal minat dan hasrat untuk membangun golongan belia, Yang Berhormat telah banyak membimbing para belia Daerah Tutong dalam pelbagai bidang dan seterusnya konsisten memimpin belia secara keseluruhan.

Yang Berhormat bermotivasi tinggi, terus berbakti menabur jasa dan menyumbang terhadap pembangunan belia di negara ini.



PEMIMPIN MUDA BELIA

BLOODKAD


BloodKad merupakan satu aplikasi yang membantu menyelaras proses pendermaan darah secara digital agar dapat diuruskan dengan cepat dan efisien. Projek ini berjaya mengurangkan penggunaan kertas dari segi pendaftaran penderma darah, pengisian borang pemeriksaan kesihatan dan tempahan slot menderma. BloodKad dihasilkan oleh Nextacloud Technologies bermula sebagai syarikat start-up yang dikenali sebagai Newgate Plus. Nextacloud pertama kali menyertai BICTA pada tahun 2015 - 2018 dan berjaya memenangi Tempat Kedua BICTA 2016 dan BICTA 2017 bagi kategori Industri ICT dengan produk First Blood. Pada tahun 2017, First Blood dijenamakan semula sebagai BloodKad.

Penggunaan BloodKad diwajibkan oleh Kementerian Kesihatan melalui Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan Jerudong Park Medical Centre bagi orang ramai yang berhasrat untuk menderma darah memuat turun aplikasi ini. Bagi menarik lebih ramai pengguna BloodKad, Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan organisasi dan syarikat dalam menawarkan ganjaran. Sistem BloodKad juga menawarkan pendigitalan kepada doktor dan jururawat dalam membuat analisis dan ramalan data.

Setakat ini, seramai 14,058 pengguna BloodKad membantu negara mengekalkan tahap stok darah yang sihat. Projek ini berpotensi untuk dikembangkan dan mampu bertahan dalam jangka masa panjang selaras dengan inisiatif BloodKad yang berterusan untuk menarik pengguna dan menaik taraf aplikasi ini.

Projek ini berpotensi untuk menembusi jangkauan dunia dan seterusnya mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam apabila diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation). Projek ini juga dirancang untuk digunakan di Indonesia dan Malaysia. BloodKad telah menerima beberapa pengiktirafan seperti IGNITE Entrepreneurship Challenge (Second Runner Up) dan ASEAN Impact Challenge, Malaysia (First Runner Up) pada tahun 2015.

